

PRU-13: Siswa4U USM sokong aku janji BN
Utusan Online
14 APRIL 2013

PULAU PINANG 14 April - Siswa4U Universiti Sains Malaysia (USM) menyatakan sokongan mereka terhadap Manifesto Barisan Nasional (BN) yang dilancarkan Perdana Menteri, Najib Tun Razak baru-baru ini.

Pengerusinya, Mohamad Yazid Adhar Che Bae berkata, manifesto yang juga aku janji BN itu diyakini dapat dilaksanakan dan bukan omongan kosong semata-mata seperti mana manifesto pembangkang.

Sehubungan itu, mereka berkata, kerajaan BN perlu diberikan mandat yang kukuh pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) bagi memastikan agenda transformasi negara dapat diteruskan - UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130414/px_33/PRU-13-Siswa4U-USM-sokong-aku-janji-BN#ixzz2a0DRIdzq

© Utusan Melayu (M) Bhd